



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

FAKULTI PERAKAUNAN

BULETIN FPN



Kopitiam Kereta Api Tertua di Malaysia

Norhidayah Ismail dan Norhisham Ismail



Siapa sangka dengan hanya bermodalkan gula dan susu pekat manis, kedai menjual minuman dan makanan ini dapat menempa nama di dalam Malaysia Book of Records sebagai kopitiam kereta api tertua di Malaysia. Kluang RailCoffee telah beroperasi 86 tahun lamanya, bermula pada tahun 1938 oleh Lim Luan Hee. Kedai kopi ini pada asalnya adalah sebuah kantin yang menjual kopi kepada kakitangan stesen kereta api dan penduduk sekitar.



Lokasi Kluang RailCoffee ini bertempat di Stesen Kereta Api Kluang pada ketika itu dikira amat strategik kerana berdekatan dengan pejabat pos, kem tentera dan pejabat Lembaga Elektrik Pusat (kini dikenali sebagai Tenaga Nasional Berhad) yang menjadi tumpuan persinggahan masyarakat setempat. Kopitiam ini menghidangkan sarapan pagi bermula seawal 6.30 pagi.



Kedai ini sangat sinonim dengan kopi dan roti bakar arangnya. Malah, kopinya juga menggunakan kopi jenama dan buatannya sendiri. Terdapat juga beberapa menu lain dijual di sini bagi memenuhi selera para pengunjungnya. Kini Kluang RailCoffee telah menjadi tempat singgah yang popular bagi pelancong yang datang melawat Kluang, serta bagi penduduk setempat yang ingin menikmati kopi dan santapan ringan sambil menikmati suasana kereta api yang singgah di stesen bagi mengambil dan menurunkan penumpang-penumpang. Kluang RailCoffee masih menerapkan konsep dan persekitaran asal seperti di awal tahun pembukaannya bagi mengekalkan nostalgia kopitiam itu. Tarikan ini sekali gus menggamit memori dan nostalgia zaman silam. Pengalaman berharga ini turut menarik perhatian Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar bagi mencemar duli merasai pengalaman ini. Kini Kluang RailCoffee telah berjaya membuka cawangan kedai kopinya di beberapa lokasi sekitar Kluang dan Shah Alam.



Rujukan:

<https://mediadigitaljohor.gov.my/selepas-8-dekad-kluang-rail-coffee-masih-berdiri-teguh/>

<https://www.thestar.com.my/lifestyle/travel/2022/07/20/kluang-rail-coffee-named-the-oldest-railway-coffee-shop-in-malaysia-by-mbor>

<https://tourismjohor.my/kluang-rail-coffee/>